

**UCAPAN CIKGU HJ MOHD ANIS TAIRAN, NAIB PENERUS 2
LEMBAGA PENTADBIR MASJID KAMPUNG SIGLAP DI PELANCARAN
PELAN PEMULIHAN DAN PENINGKATAN MASJID PADA HARI
JUMAAT 23 APRIL 2010 BERSAMAAN 8 JAMADILAWAL 1431H**

Yang Berhormat
Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Sekitaran dan Sumber Air merangkap Menteri
Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam

Yang Berbahagia
Haji Mohd Alami Musa
Presiden Majlis Ugama Islam Singapura

Sohibus Samaha
Syed Isa Semait
Mufti Negara Singapura

Yang Berbahagia
Haji Abdul Razak Maricar
Setiausaha Majlis Ugama Islam Singapura

Para Pengerusi dan Anggota Lembaga Pentadbir Masjid

Para Sukarelawan dan jemaah yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wr wb.

Pertama-tama saya mengucapkan syukur ke Hadrat Allah swt kerana telah memberikan kita kesejahteraan dan pelbagai nikmat-Nya untuk membolehkan kita menjalankan segala urusan di dunia

ini sebagai hambanya dan pada masa yang sama, sebagai pengamanah atas apajua tanggungjawab yang mewajarkan kewujudan kita di muka bumi ini.

Terima kasih kami utamakan kepada Menteri, Dr Yaacob Ibrahim kerana meluangkan masa untuk sama-sama bersolat Jumaat di masjid ini sekaligus mengesahkan rancangan bagi kerja-kerja pemuliharaan dan peningkatan Masjid Kampung Siglap yang telah rosak akibat kebakaran yang mengejutkan seluruh masyarakat Singapura pada Oktober tahun lalu.

Meski apa yang berlaku telah menggugat kelancaran operasi harian Masjid Kg Siglap, kami di LPM alhamdulillah, terus bersatu kukuh untuk memastikan khidmat kepada jemaah dan masyarakat dapat diteruskan, walaupun dalam keadaan ruang yang serba terbatas. Bangunan masjid lama diubah kegunaannya daripada Kelas Tahfiz Al-Quran untuk menampung pelaksanaan solat waktu dan Jumaat. Kegiatan pembelajaran dan keagamaan yang lain berlangsung di bangunan Darul Quran dan Dewan Serbaguna Penghulu Lasam yang terselamat dari korban api kebakaran. Bilangan jemaah solat Jumaat terhad 350 orang sahaja tetapi konsisten kehadiran mereka. Kehadiran jemaah tetap bagi ibadah solat waktu sangat memuaskan.

Sejak insiden kebakaran itu, simpati orang ramai bukan saja meliputi masyarakat Melayu dan Islam bahkan masyarakat bukan Melayu-Islam termasuk pertubuhan dan badan-badan agama lainnya. Mereka turut menghulurkan bantuan moral dan kewangan. Jiran kami di Villa Marina dan Sekolah Victoria merasa seolah-olah sama terkena bahangnya, melahirkan rasa dukacita yang amat sangat.

Ini telah membuat kami begitu terharu. Kami dapat rasakan perpaduan masyarakat Singapura begitu terserlah dalam membantu pihak-pihak yang sedang mengalami kesukaran. Ia begitu menyentuh jiwa dan minda kami. Pengalaman ini telah meningkatkan keazaman LPM Kg Siglap untuk terus meningkatkan usaha-usaha mengembalikan keadaan dan operasi masjid bukan sahaja seperti sebelum berlaku insiden kebakaran, malah lebih baik daripada itu.

Semangat kesukarelawan dan gotong royong para jemaah dan pengunjung amat tinggi. Mereka terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat : para karyawan, pekerja biasa, pelajar, suri rumah, pemandu teksi, orang-orang kebanyakan dan sebagainya; segera tampil ke masjid untuk menghulurkan apa juga yang dapat

mereka bantu. Mereka datang dari jauh atau dekat, malah ada yang dari luar negara. Tidak kira kecil atau besar nilai bantuan mereka. Ini membuat saya mengingat kembali suasana yang sama ketika kita di kampung dulu, masing-masing bersingsing lengan bermandi peluh untuk membantu keluarga yang ditimpa kesusahan. Rupa-rupanya di negara serba kosmopolitan Singapura, semangat yang murni ini masih mercup dan subur.

Sekarang kami juga merasakan Masjid Kg Siglap perlu menyumbang semula segala kebaikan dan bantuan yang telah diberikan masyarakat umum. Untuk mencapai matlamat itu, kami perlu memberikan khidmat terbaik kepada semua golongan masyarakat, tanpa mengira bangsa dan agama, apabila siap kerja-kerja pemuliharaan ini. LPM Kg Siglap akan keluar dan mencari peluang untuk membantu pula individu dan organisasi lain yang memerlukan, setelah kita menjadi pemanfaat daripada kebaikan mereka.

Hari ini kita akan membangun semula bangunan ruang solat utama Masjid Kampung Siglap yang bersejarah ini. Kita bertuah kerana dapat memulihara dan memelihara bangunan asal masjid dan menyelesaikan pembinaan bangunan Darul Quran Singapura menjadikan ia pembangunan “3 dalam 1” antara kawasan masjid

yang terbesar di Singapura ini. Kompleks Masjid Kg Siglap begitu unik merangkumi masjid lama yang bersejarah, bangunan utamanya yang bercirikan Nusantara dan anjung sampingannya, Darul Quran yang mempunyai reka bentuk pasca-modern keislaman - sesuatu identiti yang boleh dibanggakan oleh masyarakat hari ini dan generasi akan datang.

Setelah solat jumaat ini, Tuan-tuan dapat melihat sendiri pelan dan lakaran yang dibuat perundingcara dan arkitek yang telah mengambil kira komen-komen LPM termasuk maklum balas jemaah perihal projek ini yang bakal diisytiharkan oleh Menteri kita.

Kerja-kerja pemuliharaan dan peningkatan Masjid Kampung Siglap dijangka bermula pada bulan Julai nanti setelah proses tender dan pemilihan kontraktor selesai dalam masa 2-3 bulan ini. Bagi komponen pemuliharaan, perbincangan mengenai jumlah kos yang ditampung pihak insuran masih lagi berjalan. Mengikut kepada jadual yang disediakan, projek ini akan mengambil masa 12 bulan bakal siap sebelum bulan Ramadhan tahun depan (2011), insyaAllah. Pihak masjid masih memerlukan sumbangan derma dari masyarakat bagi komponen peningkatan walaupun mendapat suntikan geran MBMF sebanyak \$500,000 dari Muis. Wang

MBMF akan digunakan untuk menggantikan bahagian-bahagian masjid yang tidak terjejas oleh kebakaran untuk memenuhi kod keselamatan kebakaran yang terkini. Pendek kata, wang MBMF akan digunakan untuk komponen peningkatan, selaras dengan tujuan untuk meluaskan kegunaan MBMF.

Kos keseluruhan projek ini dianggarkan menelan belanja sekurang-kurangnya \$6 juta dolar dimana kami mengharapkan sebahagian besar ditampung oleh pihak insuran.

Marilah kita berdoa ke Hadrat Allah swt agar memberkati segala usaha kita dan kerja-kerja yang akan bermula tidak lama lagi. LPM masih terus mengharapkan sokongan para jemaah dan masyarakat Singapura untuk memastikan kerja-kerja pembinaan tidak menghadapi masalah dan akan siap pada waktu yang dirancang.

Setelah siap nanti, ia diharap dapat menjadi mercu kebanggaan para jemaah dan masyarakat Islam Singapura, melambangkan semangat kerjasama dan gotong royong setiap lapisan masyarakat Singapura. Ia akan dilengkapi dengan kemudahan lebih sempurna yang mengutamakan keselesaan beribadah dan merangkumi ciri-ciri keselamatan yang lebih baik, bebas

hadangan (barrier-free), mesra masyarakat, mesra keluarga, meningkatkan khidmat pelanggan dan dekat di hati para belia. Saya seperti tidak sabar menunggu dan ingin melihat siapnya kerja-kerja pemulihan ini.

Akhir kata, saya bagi pihak LPM Kg Siglap mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada Muis yang telah banyak memberi panduan dan nasihat, pasukan perundingcara projek yang telah membantu masjid dari segi perancangan projek merangkumi aspek keselamatan dan teknikal; kakitangan dan para jemaah serta semua yang telah memberikan bantuan kepada masjid. Kalau tidak kerana bantuan dan sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, kami kira ia mungkin sukar bagi kami untuk bangkit dan bergerak ke hadapan dengan baik, daripada musibah yang dialami.

Semoga Allah memberkati segala usaha kita dan mengayakan kehidupan ini dengan nikmatnya yang tidak terhingga serta mengurniakan kesejahteraan di dunia dan akhirat seperti yang kita sering doakan.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum wr wb.